

NO. SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI
@ AHMAD [SIPITANG]**

Datuk Sapawi Bin Haji Amat Wasali @ Ahmad [Sipitang] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah syarikat jualan langsung dan skim piramid (MLM) yang dikenakan tindakan sehingga kini, dan apakah bentuk-bentuk tindakan yang boleh diambil kerana menyalahi peruntukan undang-undang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Urusniaga jualan langsung hanya dibenarkan kepada Syarikat Jualan Langsung yang memiliki lesen jualan langsung dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Pemegang lesen perlu mematuhi syarat-syarat lesen dan penguatkuasaannya adalah di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

Dari tahun 2012 sehingga 28 Februari 2017, sebanyak **198 tindakan kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah **RM 5.8 juta**. Manakala sebanyak **RM 20, 500.00 kompaun** dan **RM 940,000.00 denda** telah dikenakan ke atas syarikat yang gagal mematuhi syarat lesen, menjalankan perniagaan jualan langsung tanpa lesen serta menjalankan aktiviti skim piramid.

Penalti yang boleh dikenakan ke atas kesalahan adalah seperti berikut:-

- i) Tidak memiliki lesen bagi Syarikat (Pertubuhan Perbadanan, Perkongsian atau Pertubuhan) Denda tidak melebihi **RM 1 juta** dan kesalahan kali kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi **RM 2 juta** bagi. Manakala bagi individu, Denda tidak melebihi **RM250,000** atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya dan, Kesalahan kali kedua atau berikutnya denda tidak melebihi **RM500,000** atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;

- ii) **Melanggar syarat lesen**, bagi Syarikat denda tidak melebihi RM 250,000 dan kesalahan kali kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi RM500.000. Manakala bagi individu, denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Kesalahan kali kedua atau berikutnya denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.
- iii) **Mempromosi atau menjalankan Skim Piramid**, denda tidak kurang **RM1 juta** dan tidak lebih RM10 juta, dan kesalahan kali kedua atau berikutnya, denda tidak kurang **RM10 juta** dan tidak melebihi RM50 juta. Manakala individu denda tidak melebihi **RM 500,000** dan tidak lebih **RM 5 juta** atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya denda tidak kurang daripada **RM1 juta** dan tidak lebih RM 10 juta atau penjara tidak melebihi **10 tahun** atau kedua-duanya